

27 DEC 1999

Samy-estet

MIC KEMUKA LAPORAN PEKERJA ESTET KEPADA KABINET FEBRUARI

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Laporan MIC berkaitan gaji bulanan dan cara untuk memperbaiki taraf kehidupan pekerja estet akan dikemukakan kepada Kabinet Februari ini, kata presidenya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata laporan itu bertajuk "Kajian Pekerja Ladang ke Alaf Baru" mengemukakan masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang, yang termasuk gaji, kedudukan ekonomi mereka, perumahan, persekolahan anak-anak dan sebagainya.

Samy Vellu berkata laporan awal telah dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Sumber Manusia bulan lepas.

"Perkara itu perlu dirujuk dahulu kepada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan Unit Perancangan Ekonomi sebelum dikemukakan kepada Kabinet," katanya selepas mempengerusikan Jawatankuasa Kerja Pusat parti itu di sini hari.

Samy Vellu berkata laporan itu juga mengandungi cadangan kadar gaji bulanan, tetapi beliau tidak menjelaskannya, bagaimanapun ia dipercayai antara RM900 dan RM1,000.

Beliau berkata kadar sebenar akan dibincangkan oleh Persatuan Pengeluar Pertanian Malaya (Mapa) dengan Persatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW), setelah Mapa bersetuju secara dasarnya cadangan itu.

Di samping itu beliau berkata, "Pemilik estet perlu menggunakan kaedah baru menoreh getah, yang diperkenalkan Institut Penyelidikan Getah Malaysia. Seorang pekerja boleh menoreh sehingga 1,500 pokok getah sehari ...lebih produktiviti dan tidak perlu menoreh setiap hari," katanya.

Beliau juga berkata parti itu akan menganjurkan forum intelektual bagi kaum India Malaysia pada bulan Mac tahun depan bagi membincangkan masa depan masyarakat itu dan peranan yang akan dimainkan MIC pada alaf baru nanti.

Beliau juga mengumumkan pelantikan Datuk Nelson Renganathan dan Senator Jaya Parthiban masing-masing sebagai Ketua Pemuda dan Ketua Wanita MIC manakala S. Vigneswaran dan Kamala Ganapathy sebagai setiausaha.

Nelson dan Jaya masing-masing mengambil alih jawatan daripada bekas Anggota Dewan Undangan Negeri Pasir Panjang Ir M. Muthiah dan Sarasa Pasamanickam.

Mesyuarat agung tahunan parti itu akan diadakan pada 20 dan 21 Mei tahun depan.

Samy Vellu berkata anggota DUN dan Parlimen dari parti itu diarahkan untuk menghadiri sidang Parlimen dan DUN setiap kali dewan bersidang.

"Mereka juga diminta untuk mengumumkan e-mel masing-masing bagi memudahkan aduan dari penduduk kawasan yang mereka wakili. Aduan itu kemudiannya akan dikemukakan kepada Yayasan Strategic Sosial (badan pemikir MIC) untuk tindakan selanjutnya," katanya.

-- BERNAMA

AR RI